KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **31 Disember 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI: SELASA
TARIKH: 31/12/2024
M/SURAT: 16




GAMBAR fail pemeriksaan harga barang yang sering dilakukan oleh penguat kuasa KPDN.

Operasi sempena Skim Harga Musim Krismas

# 74 kes gagal pamer tanda harga merah

**Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN**

**PUTRAJAYA** – Sebanyak 74 kes gagal menggunakan tanda harga khas merah jambu dan satu kes tiada tanda harga berjaya dikenal pasti sepanjang pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Krismas 2024.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa Bahagian Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Azman Adam berkata, tindakan kes itu melibatkan nilai kompaun sebanyak RM8,600.

"Sepanjang pelaksanaan skim ini, sebanyak 2,748 pemeriksaan telah dijalankan ke atas premis perniagaan di seluruh negara merangkumi premis runcit, borong dan pengeluar.

"Daripada jumlah pemeriksaan itu, tindakan undang-undang dikenakan ke atas peniaga yang gagal mematuhi sepenuhnya perundangan yang ditetapkan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Pada masa sama, katanya, tiada kes melibatkan penjualan melebihi harga ditetapkan dikesan sepanjang tempoh tersebut.

"Pihak kami tidak menerima sebarang aduan semasa pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Krismas 2024.

"Majoriti peniaga yang diperiksa komited serta mematuhi perundangan harga maksimum yang berkuatkuasa sepanjang pelaksanaan skim itu," katanya.

Untuk rekod, Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Krismas 2024 berkuat kuasa dari 23 hingga 27 Disember lalu yang merupakan langkah kerajaan dalam melindungi pengguna daripada peniaga yang tidak beretika sepanjang sambutan Krismas.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro
HARI: SELASA
TARIKH: 31/12/2024
M/SURAT: 6

## SHMMP KRISMAS 2024

# RM8,600 jumlah nilai kompaun dikeluarkan

**Putrajaya:** Sebanyak 74 kes gagal meletakkan tanda harga khas merah jambu dan satu kes tiada tanda harga, membabitkan nilai kompaun RM8,600 dikesan sepanjang tempoh pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Krismas 2024.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Datuk Azman Adam berkata kesalahan itu dikesan menerusi 2,748 pemeriksaan yang dijalankan terhadap premis runcit, borong dan pengeluar di seluruh negara bermula 23 hingga 27 Disember lepas.

"Berdasarkan pemantauan dan penguatkuasaan KPDN serta maklum balas orang ramai, pelaksanaan SHMMP Krismas 2024 berjalan dengan baik dan lancar.

"Kementerian tidak menerima sebarang aduan semasa pelaksanaan SHMMP Krismas 2024 ... tiada kes membabitkan penjualan melebihi harga yang ditetapkan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Azman berkata majoriti peniaga yang diperiksa komited serta mematuhi perundangan harga maksimum yang berkuat kuasa sepanjang pelaksanaan skim itu.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# 75 kes dengan kompaun RM8,600 dikesan sepanjang SHMMP Krismas

PUTRAJAYA: Sebanyak 74 kes gagal meletakkan tanda harga khas merah jambu dan satu kes tiada tanda harga, melibatkan nilai kompaun RM8,600 dikesan sepanjang tempoh pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Krismas 2024.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Datuk Azman Adam berkata kesalahan itu dikesan menerusi 2,748 pemeriksaan yang dijalankan terhadap premis runcit, borong dan pengeluar di seluruh negara bermula 23 hingga 27 Disember lepas.

"Berdasarkan pemantauan dan penguatkuasaan KPDN serta maklum balas orang ramai, pelaksanaan SHMMP Krismas 2024 berjalan dengan baik dan lancar.

"Kementerian tidak menerima sebarang aduan semasa pelaksanaan SHMMP Krismas 2024...tiada kes melibatkan penjualan melebihi harga yang ditetapkan," katanya dalam kenyataan semalam.

Azman berkata majoriti peniaga yang diperiksa komited serta mematuhi perundangan harga maksimum yang berkuat kuasa sepanjang pelaksanaan skim itu.

Beliau berkata KPDN merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta agensi di bawahnya, pihak industri dan semua peniaga atas komitmen serta kerjasama dalam menjayakan pelaksanaan SHMMP Krismas 2024.

Pelaksanaan SHMMP Krismas 2024 selama lima hari yang dijalankan dua hari sebelum perayaan, sehari semasa perayaan dan dua hari selepas perayaan, merupakan langkah kerajaan untuk melindungi pengguna daripada peniaga yang tidak beretika sepanjang sambutan Krismas.

Sebanyak 14 jenis barangan harga terkawal berserta harga maksimum telah diwartakan bagi pelaksanaan SHMMP Krismas 2024. — Bernama

Utusan Borneo online
HARI: SELASA
TARIKH: 31/12/2024
M/SURAT: 7

# 75 kes dengan kompaun RM8,600 dikesan sepanjang SHMMP Krismas

**PUTRAJAYA:** Sebanyak 74 kes gagal meletakkan tanda harga khas merah jambu dan satu kes tiada tanda harga, melibatkan nilai kompaun RM8,600 dikesan sepanjang tempoh pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Krismas 2024.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Datuk Azman Adam berkata kesalahan itu dikesan menerusi 2,748 pemeriksaan yang dijalankan terhadap premis runcit, borong dan pengeluar di seluruh negara bermula 23 hingga 27 Dis lepas.

"Berdasarkan pemantauan dan penguatkuasaan KPDN serta maklum balas orang ramai, pelaksanaan SHMMP Krismas 2024 berjalan dengan baik dan lancar.

"Kementerian tidak menerima sebarang aduan semasa pelaksanaan SHMMP Krismas 2024 ... tiada kes melibatkan penjualan melebihi harga yang ditetapkan," katanya dalam kenyataan semalam.

Azman berkata majoriti peniaga yang diperiksa komited serta mematuhi perundangan harga maksimum yang berkuat kuasa sepanjang pelaksanaan skim itu.

Beliau berkata KPDN merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta agensi di bawahnya, pihak industri dan semua peniaga atas komitmen serta kerjasama dalam menjayakan pelaksanaan SHMMP Krismas 2024.

Pelaksanaan SHMMP Krismas 2024 selama lima hari yang dijalankan dua hari sebelum perayaan, sehari semasa perayaan dan dua hari selepas perayaan, merupakan langkah kerajaan untuk melindungi pengguna daripada peniaga yang tidak beretika sepanjang sambutan Krismas.

Sebanyak 14 jenis barangan harga terkawal berserta harga maksimum telah diwartakan bagi pelaksanaan SHMMP Krismas 2024. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: SELASA
TARIKH: 31/12/2024
M/SURAT: 7

# KPDN: 2,748 Christmas SHMMP inspections conducted, 75 compounds issued

**PUTRAJAYA:** The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) conducted 2,748 inspections on retail, wholesale, and manufacturing premises nationwide during the 2024 Christmas Festive Season Maximum Price Control Scheme (SHMMP) implementation.

Enforcement director-general Datuk Azman Adam reported that 74 cases involved the failure to display the designated pink price tags, while one trader did not display any price tags, leading to a total of RM8,600 in fines.

He confirmed that no cases of selling above the regulated prices were detected during this period.

"Based on KPDN's monitoring and enforcement efforts, as well as feedback from the public, the implementation of the 2024 Christmas SHMMP proceeded smoothly and effectively.

"The ministry also received no complaints throughout the enforcement period," he said in a statement yesterday.

Azman noted that the majority of traders inspected demonstrated strong commitment and compliance with the maximum pricing regulations.

On behalf of KPDN, he thanked the Ministry of Agriculture and Food Security, related agencies, industry players, and traders for their dedication and cooperation in ensuring the success of the 2024 Christmas SHMMP.

The five-day 2024 Christmas SHMMP was implemented from Dec 23 to 27, gazetting 14 controlled items and their maximum prices.

This initiative reflects the government's effort to protect consumers from unethical trading practices during the 2024 Christmas festivities. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

中國報 CHINA PRESS
HARI: SELASA
TARIKH: 31/12/2024
M/SURAT: 3

# 佳節價格統制品
# 75宗違例罰8600




■国内贸易及生活成本部执法组人员检查价格标签。

（吉隆坡30日讯）国内贸易及生活成本部执法组指出，圣诞节落实佳节价格统制计划期间，一共有75宗违例案件，涉及罚款总额达8600令吉。

内贸部执法组总监拿督阿兹曼透露，该75宗违例案件中，分别是74宗案件未使用特殊的粉红色价格标签，以及1宗没有价格标签。

他今日发表文告说，该部在这期间，对全国零售、批发商和制造商进行2748项检查，对没遵守规定的商家采取法律行动。

他指出，执法期间没有发现商家售价超过顶价的案件。

“圣诞节落实佳节价格统制计划期间，我们也没有收到任何投诉，大多数接受检查的商家皆有遵守顶价规定。”

阿兹曼说，该部感谢农业及粮食安全部和旗下机构、相关业者及所有商家的配合，让圣诞节价格统制计划成功实施。

圣诞节价格统制计划为期5天，包括节日前后2天及节日当天，涵盖14种统制品，旨在避免圣诞节期间出现趁机起价行为，以保障消费者权益。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

HARI: SELASA
TARIKH: 31/12/2024
M/SURAT: 1

# Kos sara hidup antara cabaran 2025

Oleh **AMIRUL AIMAN OSMAN** dan **HAFIZ SAIDINA**
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Kos sara hidup menjadi perhatian dan cabaran utama buat rakyat Malaysia menjelang tahun 2025 berikutan perubahan beberapa dasar yang dilakukan.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd., Dr. Mohd. Afzanizam Abdul Rashid berkata, rasionalisasi subsidi bahan api, kenaikan cukai serta kenaikan gaji minimum dijangka memberi cabaran besar.

Katanya, kos sara hidup menjadi aspek utama yang akan mencorak pola perbelanjaan dan tabiat pengguna pada tahun depan.

"Sebahagian besar kenaikan kos sara hidup dpengaruhi perubahan dasar seperti rasionalisasi subsidi bahan api serta perluasan skop cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST).

**Bersambung di muka 3**

# Kos sara hidup antara cabaran 2025

**Dari muka 1**

"Namun, setiap langkah ini ada tujuannya iaitu memperbaiki kedudukan kewangan kerajaan supaya lebih banyak lagi ruang yang boleh dibelanjakan untuk rakyat secara lebih bersasar dan menepati golongan sasaran," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Di samping itu, Afzanizam berkata, langkah mitigasi seperti bantuan tunai dan subsidi bersasar dijangka dapat mengurangkan impak dan kesan kepada rakyat.

"Namun, bagi meningkatkan daya saing individu, langkah jangka panjang melalui pendidikan, kesihatan dan infrastruktur akan dapat meningkatkan taraf hidup rakyat yang lebih bermakna," katanya.

Semalam, akhbar ini melaporkan Malaysia dijangka berdepan keadaan ekonomi global yang mencabar pada 2025 selain ekonomi negara berkembang 4.9 peratus bagi 2024 dan diunjurkan 4.7 peratus pada 2025.

Selain itu, ketidakstabilan geopolitik di Eropah dan Asia Barat serta ketegangan perdagangan global terus memberi kesan kepada ekonomi negara.

Dalam pada itu, penganalisis ekonomi, Prof. Madya Dr. Abu Sofian Yaacob berkata, Malaysia disarankan terus meluaskan pasaran baharu dalam memastikan ekonomi negara kekal stabil menghadapi ekonomi global menjelang tahun depan.

Katanya, negara boleh memanfaatkan sepenuhnya jaringan pasaran negara BRICS dalam memastikan ekonomi negara kompetitif.

"Pasaran yang luas oleh BRICS dapat mengurangkan pengantungan eksport terutamanya dalam komoditi mentah.

"Perdagangan menggunakan mata wang sendiri antara negara-negara ini juga bakal membantu ekonomi negara untuk kekal stabil," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kesan luar terhadap ekonomi negara dapat dielakkan dengan galakkan penggunaan barangan tempatan.

"Penggunaan produk-produk keluaran tempatan tidak hanya mengurangkan impak kemerosotan ekonomi global malah merancakkan ekonomi tempatan.

"Pengilangan dan pengeluar produk juga disaran cuba menurunkan harga barangan sebagai mengambil langkah penjimatan agar rakyat akan terus berbelanja," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, penganalisis ekonomi, Profesor Emeritus Dr Barjoyai Bardai pula berkata, kos sara hidup di negara pada masa ini sudah cukup tinggi dan ramai yang merasakan kehidupan semakin mencabar.

"Dengan kadar inflasi yang diramalkan melonjak lebih tinggi, harga barang keperluan dan perkhidmatan asas dijangka turut mengalami kenaikan mendadak. Situasi ini memberi tekanan besar kepada isi rumah, terutamanya golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

"Walaupun gaji minimum telah dinaikkan, namun, jumlah itu masih belum mencukupi untuk menampung kehidupan selesa di kebanyakan kawasan terutamanya di bandar-bandar besar," katanya.

Terdahulu dilaporkan, unjuran inflasi pada tahun 2025 dijangka meningkat kepada antara 3.0 peratus hingga 3.5 peratus, berbanding 2.5 peratus hingga 3.0 peratus sebelum ini, susulan pengumuman rasionalisasi subsidi petrol RON95 yang akan dilaksanakan pada tahun hadapan.

Sementara itu, Penganalisis Ekonomi Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff tidak menafikan berdasarkan jangkaan pelan 2025, Malaysia akan berdepan dengan lebih banyak cabaran ekonomi.

"Kenaikan gaji minimum yang akan bermula separuh tahun depan memang diharapkan dapat membantu golongan berpendapatan rendah tetapi ia mungkin tidak cukup untuk menampung kenaikan inflasi yang dijangka," ujarnya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 31 DISEMBER 2024 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 31-Dec | 75 kes tidak patuhi SHMMP Krismas 2024 | https://www.sinarharian.com.my/article/704538/berita/semasa/75-kes-tidak-patuhi-shmmp-krismas-2024#google_vignette | SINAR HARIAN |
| 31-Dec | 75 kes tidak patuhi SHMMP Krismas 2024 | https://www.buletintv3.my/nasional/75-kes-tidak-patuhi-shmmp-krismas-2024/ | BULETIN TV3 |
| 31-Dec | 75 tindakan diambil sepanjang SHMMP Krismas 2024 | https://malaysiagazette.com/2024/12/30/75-tindakan-diambil-sepanjang-shmmp-krismas-2024/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 31-Dec | KPDN keluarkan 75 kompaun sempena SHMMP Krismas | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/12/kpdn-keluarkan-75-kompaun-sempena-shmmp-krismas/ | UTUSAN |
| 31-Dec | 75 kes pelanggaran peraturan direkodkan semasa SHMMP Krismas - KPDN | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/75-kes-pelanggaran-peraturan-direkodkan-semasa-shmmp-krismas-kpdn | BERITA RTM |
| 31-Dec | 75 tindakan kes sepanjang Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Krismas 2024 | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1170944/75-tindakan-kes-sepanjang-skim-harga-maksimum-musim-perayaan-krismas-2024 | HARIAN METRO |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 31-Dec | KPDN conducted 2,748 Christmas SHMMP inspections, issued 75 compounds | https://thesun.my/malaysia-news/kpdn-conducted-2748-christmas-shmmp-inspections-issued-75-compounds-FA13467165 | THE SUN |
| 31-Dec | SHMMP Krismas: 75 kes dikenakan kompaun RM8,600 - KPDN | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/12/1342650/shmmp-krismas-75-kes-dikenakan-kompaun-rm8600-kpdn | BERITA HARIAN |
| 31-Dec | 75 kes dengan kompaun RM8,600 dikesan sepanjang SHMMP Krismas - KPDN | https://bernama.com/radio/news.php?id=2377800 | BERNAMA RADIO |
| 31-Dec | 75 kes dengan kompaun RM8,600 dikesan sepanjang SHMMP Krismas - KPDN | https://www.malaysiakini.com/news/730164 | MALAYSIA KINI |
| 31-Dec | 75 Kes Dengan Kompaun RM8,600 Dikesan Sepanjang SHMMP Krismas – KPDN | https://sabahmedia.com/2024/12/30/75-kes-dengan-kompaun-rm8600-dikesan-sepanjang-shmmp-krismas-kpdn/ | SABAH MEDIA |
| 31-Dec | Kena kompuan RM8,600 gagal guna tanda harga khas | https://www.kosmo.com.my/2024/12/30/kena-kompuan-rm8600-gagal-guna-tanda-harga-khas/ | KOSMO |
| 31-Dec | KPDN conducted 2,748 Christmas SHMMP inspections, issued 75 compounds | https://international.astroawani.com/malaysia-news/kpdn-conducted-2748-christmas-shmmp-inspections-issued-75-compounds-502542 | ASTRO AWANI |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 31-Dec | KPDN keluarkan 75 kompaun sempena SHMMP Krismas | https://wartaoriental.com/2024/12/30/kpdn-keluarkan-75-kompaun-sempena-shmmp-krismas/#google_vignette | WARTA ORIENTAL |
| 31-Dec | 75 cases with RM8,600 compounds detected during Christmas SHMMP – KPDN | https://wilayah.com.my/75-cases-with-rm8600-compounds-detected-during-christmas-shmmp-kpdn/ | WILAYAH |
| 31-Dec | For failing to use pink price tags or display any price for controlled items this Christmas season, 75 traders fined RM8,6000 | https://dailyexpress.com.my/news/249180/for-failing-to-use-pink-price-tags-or-display-any-price-for-controlled-items-this-christmas-season-75-traders-fined-rm8-6000 | DAILY EXPRESS |
| 31-Dec | 75 kes dengan kompaun RM8,600 dikesan sepanjang SHMMP Krismas: KPDN | https://www.utusanborneo.com.my/2024/12/30/75-kes-dengan-kompaun-rm8600-dikesan-sepanjang-shmmp-krismas-kpdn | UTUSAN BORNEO |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT